

**NO. SOALAN: 382**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN  
[ KOTA BHARU ]**

**RUJUKAN : 7678**

**SOALAN:**

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [ Kota Bharu ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan indeks jenayah bagi negeri Kelantan pada tahun 2013 dan 2014.**

**JAWAPAN:**

**Untuk makluman YB, kadar jenayah indeks yang dilaporkan pada tahun 2013 adalah sebanyak 5,737 kes melibatkan 739 kes bagi jenayah kekerasan dan 4,998 kes bagi jenayah harta benda.**

**Pada tahun 2014 pula, kadar jenayah indeks yang dilaporkan adalah sebanyak 5,603 kes melibatkan 815 kes bagi jenayah kekerasan dan 4,788 kes bagi jenayah harta benda.**